

Tarikh Digubal (Deraf): 15 Okt 2016/21 Julai 2017/12 Ogos 2017



Dasar Pertubuhan dan Undang-Undang Majlis Jurulatih Kebangsaan

PERSATUAN PANDU PUTERI MALAYSIA
DASAR PERTUBUHAN DAN UNDANG-UNDANG
MAJLIS JURULATIH KEBANGSAAN

SELALU SEDIA

- 1.0 LATAR BELAKANG
- 2.0 VISI
- 3.0 MISI
- 4.0 OBJEKTIF
- 5.0 KEAHLIAN
- 6.0 PEWAKILAN KE MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN PANDU
PUTERI MALAYSIA
- 7.0 PENDAFTARAN
- 8.0 PENCALONAN DAN PEMILIHAN AHLI JAWATANKUASA
- 9.0 SPESIFIKASI TUGAS JAWATANKUASA
- 10.0 SPESIFIKASI TUGAS EX-OFFICIO
- 11.0 MESYUARAT JAWATANKUASA MAJLIS JURULATIH KEBANGSAAN

PERSATUAN PANDU PUTERI MALAYSIA
DASAR PERTUBUHAN DAN UNDANG-UNDANG
MAJLIS JURULATIH KEBANGSAAN

'SELALU SEDIA'

1.0 LATAR BELAKANG

Apabila Malaysia mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957, terdapat hanya tiga orang jurulatih bertauliah iaitu Cik Mary Bowers, Cik Chan Lam Mun dan Cik Fakhitah Binti Darus.

Persatuan Pandu Puteri Malaysia telah mencapai usia 100 tahun pada tahun 2017. Namun begitu, jumlah jurulatih bertauliah masih belum sampai 100 orang.

Majlis Jurulatih Kebangsaan Persatuan Pandu Puteri Malaysia telah ditubuhkan pada 30 Mei 2007 sebagai satu platform untuk semua jurulatih. Majlis jurulatih Kebangsaan berperanan memberi latihan dan menghasilkan Skim Latihan Persatuan Pandu Puteri Malaysia untuk mendapat akreditasi World Association of Girl Guides and Girl Scouts (WAGGGS).

Pada Jun 2007, Majlis Kebangsaan telah menerima usul agar Majlis Jurulatih Kebangsaan dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

2.0 VISI

Merealisasikan Profesionalisme Kejurulatihan Pandu Puteri.

3.0 Misi

- 3.1 Memantapkan pengetahuan dan kemahiran kejurulatihan dalam kalangan pemimpin dan jurulatih yang berkualiti.
- 3.2 Meningkatkan bilangan jurulatih bertauliah dan jurulatih khas.

- 3.3 Berfungsi sebagai pusat rujukan kepakaran Pandu Puteri.
- 3.4 Memperluas jaringan pintar di peringkat cawangan, kebangsaan dan antarabangsa.

4.0 OBJEKTIF

- 4.1 Menyemak dan mengemaskini Skim Latihan tiga tahun sekali.
- 4.2 Merancang, mengurus dan melaksanakan sekurang-kurangnya dua latihan atau kursus kejurulatihan di peringkat kebangsaan setiap tahun.
- 4.3 Menghasilkan bahan rujukan untuk program dan latihan.
- 4.4 Melahirkan sekurang-kurangnya lima orang jurulatih setiap tahun.
- 4.5 Mengenalpasti dan melantik panel penilai projek Khidmat Masyarakat, Bengkel Selalu Sedia dan bengkel Anugerah Tunas Harapan Ketua Pesuruhjaya.
- 4.6 Mengenalpasti dan melantik penguji untuk ujian kebangsaan Lesen Perkhemahan dan Jurulatih.
- 4.7 Memastikan calon anugerah Diploma Jurulatih memenuhi kriteria yang ditetapkan.
- 4.8 Bekerjasama dengan semua Pesuruhjaya Bahagian Kebangsaan dan Cawangan.
- 4.9 Merancang, mengurus dan melaksanakan Mesyuarat Agung Dwi Tahunan Majlis Jurulatih Kebangsaan.
- 4.10 Memastikan saluran komunikasi Majlis Jurulatih Kebangsaan kemaskini.

5.0 KEAHLIAN

Keahlian Majlis Jurulatih Kebangsaan Persatuan Pandu Puteri Malaysia terdiri daripada:

5.1 Jurulatih Diploma

Jurulatih bertauliah yang memenuhi kriteria Jurulatih Diploma Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

5.2 Jurulatih Bertauliah

Jurulatih bertauliah mempunyai sijil Jurulatih Persatuan Pandu Puteri Malaysia seperti berikut:

- Jurulatih Pandu Puteri Tunas
- Jurulatih Pandu Puteri Remaja

- Jurulatih Pandu Puteri Renjer
- Jurulatih Perkhemahan
- Jurulatih Pengurusan

5.3 Jurulatih Khas

Seseorang layak mendapat sijil Jurulatih Khas apabila memenuhi kriteria berikut:

- 5.3.1 seorang ahli Persatuan Pandu Puteri Malaysia yang berdaftar
- 5.3.2 seorang Pandu Puteri Raja yang aktif menyumbang khidmat kepakaran di peringkat:
 - 5.3.1 pasukan/daerah sekurang-kurangnya dua (02) kali dalam tempoh dua (02) tahun.
 - 5.3.2 cawangan sekurang-kurangnya dua (02) kali dalam tempoh dua (02) tahun.
 - 5.3.3 kebangsaan sekurang-kurangnya satu (01) kali dalam tempoh dua (02) tahun.
 - 5.3.4 telah menghadiri Bengkel Bakal Jurulatih anjuran Majlis Jurulatih Kebangsaan.
- 5.3.3 Sijil Jurulatih Khas diberi oleh Majlis Jurulatih Kebangsaan untuk tempoh dua tahun dan boleh diperbaharui berasaskan bidang kepakaran seperti perundangan, perubatan, teknologi informasi dan komunikasi, teknik dan vokasional, veterinar, alam sekitar, perakaunan, kewartawanan kesenian dan kebudayaan, sukan dan rekreasi.

5.4 Penolong Jurulatih

- 5.4.1 Mempunyai Waran Pemimpin Persatuan Pandu Puteri Malaysia (PPPM).
- 5.4.2 Telah menghadiri Bengkel Bakal Jurulatih anjuran Majlis Jurulatih Kebangsaan.
- 5.4.3 Telah berkhidmat sebagai pemimpin sekurang-kurangnya tiga (03) tahun.
- 5.4.4 Telah mengendalikan latihan atau kursus pemimpin yang dianjurkan PPPM di peringkat daerah atau cawangan sebagai

penceramah/fasilitator dalam tempoh lima (05) tahun dari tarikh permohonan.

- 5.4.5 Telah menghadiri kursus atau latihan berkaitan program Pandu Puteri anjuran PPPM di peringkat daerah atau cawangan atau kebangsaan.
- 5.4.6 Menjadi penguji ahli Pandu Puteri di sekolah atau daerah atau cawangan.
- 5.4.7 Telah menghadiri Bengkel Bakal Jurulatih anjuran Majlis Jurulatih Kebangsaan.
- 5.4.8 Sijil Penolong Jurulatih dianugerahkan oleh PPPM untuk tempoh dua (2) tahun dan boleh diperbaharui serta diperakui oleh Majlis Jurulatih Kebangsaan.

5.5 Bakal Jurulatih

Bakal jurulatih adalah pemegang Lesen Perkhemahan.

6.0 PERWAKILAN KE MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN PANDU PUTERI MALAYSIA

Majlis Jurulatih Kebangsaan menghantar dua (02) orang perwakilan dan tiga (03) orang pemerhati ke Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

7.0 PENDAFTARAN

Setiap ahli dikehendaki memperbaharui pendaftaran dengan cawangan masing-masing atau Ibu Pejabat Persatuan Pandu Puteri Malaysia melalui pendaftaran atas talian sebelum 30 April setiap tahun kecuali mereka yang menjadi ahli seumur hidup.

8.0 PENCALONAN DAN PEMILIHAN AHLI JAWATANKUASA

Ahli Mesyuarat Agung Dwi Tahunan Majlis Jurulatih Kebangsaan Persatuan Pandu Puteri Malaysia mencalon dan memilih secara undi sulit sembilan (09) orang dalam kalangan jurulatih yang hadir untuk menganggotai barisan jawatankuasa bagi tempoh dua (02) tahun.

- 8.1 Jawatankuasa Majlis Jurulatih Kebangsaan terdiri daripada
- 8.1.1 Pengerusi
 - 8.1.2 Naib Pengerusi
 - 8.1.3 Setiausaha
 - 8.1.4 Penolong Setiausaha
 - 8.1.5 Lima (05) orang ahli jawatankuasa (sekurang-kurangnya seorang dalam kalangan jurulatih Pandu Puteri Tunas, Pandu Puteri Remaja, Pandu Puteri Renjer dan Jurulatih Perkhemahan)

9.0 SPESIFIKASI TUGAS JAWATANKUASA

9.1 PENERUSI

- 9.1.1 Menetapkan tarikh, tempat dan agenda mesyuarat Majlis Jurulatih Kebangsaan Persatuan Pandu Puteri Malaysia.
- 9.1.2 Mempengerusi semua mesyuarat Majlis Jurulatih Kebangsaan Persatuan Pandu Puteri Malaysia.
- 9.1.3 Menyalur semua keputusan Majlis kepada Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia.
- 9.1.4 Mengenalpasti dan membina jaringan pintar dengan agensi-agensi luar.
- 9.1.5 Memastikan semua Dasar Pertubuhan dan Undang-Undang (DPU) dan program Pandu Puteri teratur dan terkini.

9.2 NAIB PENERUSI

- 9.2.1 Membantu pengerusi menjalankan tugas.
- 9.2.2 Mengambil alih tugas Pengerusi jika beliau tidak hadir.
- 9.2.3 Mengemaskini laman blog Majlis Jurulatih Kebangsaan.

9.3 SETIAUSAHA

- 9.3.1 Menguruskan segala surat-menyurat berkaitan Majlis Jurulatih Kebangsaan Persatuan Pandu Puteri Malaysia.
- 9.3.2 Mencatat minit mesyuarat dan mengedarkannya dalam tempoh dua minggu selepas mesyuarat.
- 9.3.3 Memastikan fail setiausaha teratur dan kemaskini.
- 9.3.4 Menyediakan Laporan Tahunan Majlis Jurulatih Kebangsaan Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

9.4 PENOLONG SETIAUSAHA

- 9.4.1 Membantu setiausaha menjalankan tugas.
- 9.4.2 Mengambil alih tugas setiausaha jika beliau tidak hadir.
- 9.4.3 Mendokumentasi semua aktiviti program Majlis Jurulatih Kebangsaan Persatuan Pandu Puteri Malaysia.
- 9.4.4 Memastikan pengkalan data jurulatih dan bakal jurulatih Persatuan Pandu Puteri Malaysia kemaskini.

9.5 AHLI JAWATANKUASA

- 9.5.1 Mencadangkan aktiviti latihan untuk pemimpin
- 9.5.2 Menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dari semasa ke semasa.

10.0 SPESIFIKASI TUGAS EX-OFFICIO

10.1 PESURUHJAYA PANDU PUTERI TUNAS KEBANGSAAN/ PESURUHJAYA PANDU PUTERI REMAJA KEBANGSAAN/ PESURUHJAYA PANDU PUTERI RENJER KEBANGSAAN/ PESURUHJAYA PANDU PUTERI DEWASA KEBANGSAAN

- 10.1.1 Menyokong dan bekerjasama dalam pelaksanaan program-program yang dilaksanakan oleh Majlis Jurulatih Kebangsaan Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

10.2 PESURUHJAYA LATIHAN KEBANGSAAN/ PESURUHJAYA PROGRAM KEBANGSAAN

- 10.2.1 Menyokong dan bekerjasama dalam pelaksanaan program-program yang dilaksanakan oleh Majlis Jurulatih Kebangsaan Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

11.0 MESYUARAT JAWATANKUASA MAJLIS JURULATIH KEBANGSAAN

Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Jurulatih Kebangsaan diadakan sekurang-kurangnya empat kali dalam dua tahun.